



Buletin بواليتین دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1446H | 04-08 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

UNIVERSITI MALAYA SEDIA  
BEKERJASAMA BANGUNKAN PADI  
ORGANIK DI KELANTAN

MENGHADAPI KRISIS TARIF  
AMERIKA SYARIKAT, YB FADHLI  
SHAARI SARAN LIMA IDEA BERNAS

PAMERAN PELANCONGAN DAN  
KEBUDAYAAN WILAYAH TIMUR BAKAL  
ANGKAT PELANCONGAN PANTAI TIMUR  
KE TAHAP LEBIH TINGGI

## 2,291 BAKAL HAJI DARI KELANTAN DIPESAN BERSABAR, BERTOLAK ANSUR HARUNGI CABARAN DI TANAH SUCI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 7 Mei – Seramai 2,291 orang bakal jemaah haji dari Kelantan telah terpilih menyahut seruan rukun Islam kelima bagi musim haji 1446H/2025M.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menitipkan beberapa nasihat penting kepada para jemaah agar banyak bersabar, berlapang dada dan saling bertolak ansur sepanjang mengharungi cabaran perjalanan serta urusan ibadah di tanah cuci.

"Ibadah haji menuntut kekuatan rohani dan jasmani. Dalam suasana himpunan umat sejagat, semangat kesatuan ummah perlu sentiasa dihayati. Perbanyakkan doa memohon keampunan, keselamatan dan rahmat Ilahi sepanjang berada di tanah barakah," katanya dalam Ma-



jlis Penyempurnaan Keberangkatan Jemaah Haji Kelantan di Kompleks Dewan Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, pada Selasa.

Dalam majlis tersebut, seramai 142 jemaah dari negeri ini yang diraikan sebelum berlepas ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Pengkalan Chepa, semalam.

Dato' Mohd Nassuruddin turut mendoakan agar seluruh urusan jemaah Kelantan dipermudahkan dan dikurniakan haji yang mabruk, serta pulang ke tanah air dalam keadaan selamat dan diberkati.

Turut hadir menyantuni jemaah

“

Ibadah haji menuntut kekuatan rohani dan jasmani. Dalam suasana himpunan umat sejagat, semangat kesatuan ummah perlu sentiasa dihayati. Perbanyakkan doa memohon keampunan, keselamatan dan rahmat Ilahi sepanjang berada di tanah barakah,”

dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazharudean Tengku Feissal dan Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Md Daud.



# KELANTAN TERUS BERI INSENTIF KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 7 Mei—Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang hari ini bersetuju untuk meneruskan pemberian insentif kepada anak-anak Kelantan yang berjaya dalam tiga peperiksaan utama iaitu, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi tahun 2024.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, para pelajar yang ingin membuat permohonan mesti memenuhi syarat yang ditetapkan.

"Bagi peperiksaan SPM, para pelajar mesti mendapat sekurang-kurangnya 9A, STPM mendapat 4 prinsipal (4P A) dan STAM mendapat mumtaz dalam

keputusan keseluruhan.

"Untuk pemberian intensif kecemerlangan peperiksaan 2024 ini, Kerajaan Negeri Kelantan memerlukan sebanyak RM700,000 bagi tujuan tersebut. Setiap pelajar yang layak akan menerima hadiah kecemerlangan sebanyak RM500.

"Borang permohonan boleh didapati melalui laman Facebook Yayasan Islam Kelantan (YIK), atau di laman web [www.yik.edu.my](http://www.yik.edu.my) bermula pada 13 Mei 2025. Borang permohonan juga boleh didapati di pejabat YIK bermula dari tarikh tersebut."

Beliau berkata demikian kepada media selepas mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnai, hari ini.

Tambahnya, pemberian insentif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha lerajaan negeri untuk menggalakkan kecemerlangan



akademik dan melahirkan lebih ramai lagi generasi berilmu yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan negara.

"Ia juga mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menjayakan agenda pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi, sejajar dengan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

"Pemberian insentif ini juga diharap menjadi pendorong kepada-

da pelajar-pelajar lain untuk terus berusaha untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik," katanya.

Untuk rekod, anugerah kecemerlangan peperiksaan diberikan kepada pelajar cemerlang bermula tahun 2006. Sehingga 2024, Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan sebanyak RM8.194 juta untuk anugerah kecemerlangan kepada 16,388 pelajar anak Kelantan yang cemerlang.

## UNIVERSITI MALAYA SEDIA BEKERJASAMA BANGUNKAN PADI ORGANIK DI KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 7 Mei—Universiti Malaya (UM), melalui Pusat Kecemerlangan Keterjaminan Makanan dan Pertanian Pintar (CoE FSIF), menyatakan kesiadian untuk menjalankan kerjasama strategik dalam pembangunan sektor padi organik di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bagi menjayakan tujuan tersebut, pihak UM diwakili oleh Ketua Pusat Kecemerlangan Keterjaminan Makanan dan Pertanian pintar, Dr Fatihah Mohamed Zuki

telah membentangkan potensi kerjasama strategik dalam pembangunan padi organik di Kelantan, ketika mengadakan kunjungan hormat di pejabatnya, di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, pada Selasa.

"Dalam pembentangan tersebut, pihak UM memfokuskan kepada potensi kerjasama melibatkan penyerapan teknologi pertanian pintar, termasuk penggunaan Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan platform pengurusan digital bagi pemantauan pertumbuhan padi, cuaca, kelembapan tanah dan input baja secara masa nyata," katanya menerusi satu hantaran di

media sosial miliknya pada Selasa.

Menurutnya lagi, kawasan yang dikenal pasti berpotensi sebagai tapak rintis bagi pembangunan padi organik itu ialah Desa Gemalai di Kampung Lubok Jambu, Mulong, yang diusahakan oleh syarikat Yusri Maju sejak tahun 2023.

Katanya lagi, projek berkenaan dijangka membawa impak positif dalam meningkatkan hasil pertanian secara mampan, selain menyokong kelestarian sumber makanan negara.

"Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan hasil dan kelestari-

an sumber makanan malah turut memberi nilai tambah kepada agropelancongan, agropendidikan dan pembangunan ekonomi tempatan berdasarkan teknologi hijau," katanya.

Untuk rekod, kawasan Desa Gemalai di Kampung Lubok Jambu, Mulong telah ditanam dengan padi organik oleh syarikat Yusri Maju di atas tanah suas dua hektar sejak tahun 2023.

Syarikat tersebut mempelajari kaedah penanaman padi organik daripada pakar pertanian padi organik dari Indonesia, Aep Saepudin.



# PROSES PENGAMBILAN TANAH PUNCA PROJEK NAIK TARAF JALAN PASIR HOR KE PANCHOR, LEWAT SIAP

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 5 Mei- Proses pengambilan tanah menjadi punca projek naik taraf jalan dari persimpangan jalan bertingkat di Pasir Hor sehingga ke Panchor di PT209 dan PT131 lewat disiapkan.

Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Dr Izani Husin berkata, tanah-tanah yang terlibat dengan projek tersebut adalah milik persendirian, menyebabkan proses pengambilan mengambil masa.

"Proses pengambilan ini melibatkan 360 lot tanah milik persendirian. Jadi pihak Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (JKPTG) mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan proses pengambilan ini, sekaligus menyebabkan sedikit kelewatan projek ini untuk disiapkan."

Beliau berkata demikian ketika ditemui di tapak projek naik taraf jalan tersebut di PT131, Panji Kota Bharu, sempena lawatan kerja beliau ke projek tersebut hari ini.

Menurut beliau lagi, proses pengambilan tanah untuk projek tersebut dijangka selesai dalam



masa tiga bulan lagi.

"Setelah semua proses pengambilan tanah selesai dalam masa tiga bulan ini, pihak kontraktor dapat membuat kerja dengan lebih cepat.

"Sebelum selesai proses pengambilan tanah sepenuhnya, pihak kontraktor terpaksa membuat kerja secara berperingkat-peringkat. Ini menyukarkan pergerakan jentera berat dan memakan masa serta menelan kos yang tinggi," katanya.

Tambah YB Dato' Dr Izani lagi, projek ini dijangka siap pertengahan tahun 2027.

"Insya Allah, setelah proses pengambilan tanah selesai sepenuhnya, pihak kontraktor dapat

mempercepatkan projek ini dan dijangka siap dalam bulan Jun 2027.

"Segala kesulitan semasa projek ini berjalan seperti kesesakan lalulintas, pihak Jabatan Kerjaya (JKR) akan cuba atasinya dengan menyediakan jalan alternatif bagi menyuarakan masalah trafik." tambah beliau.

Untuk rekod, projek menaik taraf jalan dari persimpangan bertingkat Pasir Hor sehingga ke Panchor bermula pada 17 Ogos 2021 di bawah Rancangan Malaysia (RMK11).

Projek yang bernilai RM378 juta termasuk kos pengambilan tanah ini mencapai kemajuan 42.32 peratus setakat 28 April 2025. Projek ini melibatkan pembinaan jalan bertingkat, lampu isyarat, tiga buah jelantas, satu jambatan di Sungai Gu, pemindahan utiliti dan lain-lain

YB Dato' Dr Izani turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan yang meluluskan projek menaik taraf jalan tersebut demi kepentingan rakyat.

Terdahulu YB Dato' Dr Izani dan rombongan diberi taklimat oleh Pegawai Pengguna Projek, Ir Mazlan Mustapha. Turut hadir dalam lawatan kerja tersebut adalah Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Wan Zulfadhl Syahman Wan Yusof.



## TUISYEN RAKYAT SEJAHTERA DITERUSKAN, BUKTI KOMITMEN KERAJAAN NEGERI TERHADAP PENDIDIKAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 6 Mei – Program Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS) diteruskan bagi tahun kedua pelaksanaannya, sekali gus membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasa sektor pendidikan rakyat.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan



Wan Hamat berkata, kesinambungan program tersebut didorong oleh kejayaan pelaksanaannya tahun lalu yang melibatkan penyertaan 1,350 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari seluruh 45 kawasan Dewan Negeri di Kelantan.

"Memandangkan sambutan yang amat menggalakkan serta peningkatan prestasi pelajar, kerajaan negeri bersetuju untuk meneruskan program ini pada tahun ini," katanya menerusi satu han-

taran di media sosial pada Ahad.

Beliau juga memaklumkan bahawa TRS akan dilaksanakan secara intensif selama dua bulan bermula Oktober ini, khususnya pada hari Jumaat dan Sabtu.

"Pendekatan yang fleksibel dari segi jadual pembelajaran memberi ruang kepada pelajar untuk belajar dalam suasana yang lebih selesa dan berkesan," tambahnya.

Terdahulu, Dato' Wan Roslan mempengerusikan mesyuarat

pelaksanaan TRS 2025 yang turut dihadiri timbalannya YB Kamaruzaman Mohamad serta wakil-wakil dari Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB), Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) di Bilik Mesyuarat Exco, Mabna, Kompleks Kota Darulnaim.

Beliau turut menyatakan harapan agar kerjasama strategik antara agensi pelaksana dapat menjamin kelancaran program serta memberi impak maksimum kepada para pelajar, khususnya calon peperiksaan utama seperti SPM.

"Semoga inisiatif ini dapat membantu anak-anak kita memperkuuh pencapaian akademik dan memanfaatkan masa mereka dengan ilmu yang bermanfaat," ujarnya.

# MENGHADAPI KRISIS TARIF AMERIKA SYARIKAT, YB FADHLI SHAARI SARAN LIMA IDEA BERNAS



Oleh: Norzana Razaly

Malaysia kini berdepan cabaran besar apabila Amerika Syarikat mengenakan tarif 24 peratus ke atas eksport utama negara.

Langkah unilateral ini memberi impak langsung kepada sektor kritikal seperti elektrik dan elektronik, yang menyumbang lebih separuh daripada eksport Malaysia ke Amerika Syarikat.

Dalam keadaan ini, negara memerlukan strategi menyeluruh dan berani untuk mengurangkan kesan jangka pendek serta membina ketahanan jangka panjang yang mampan.

Dalam sesi perbahasan khas Dewan Rakyat pada Ahad, Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhlizakar Shaari tampil mengemukakan idea berasaskan yang menyerlahkan keperluan kepada pendekatan dasar luar yang lebih tegas dan berprinsip.

Oleh itu, seluruh rakyat disyorkan untuk mengikuti secara rapat perkembangan tarif Amerika Syarikat kerana ia memberi kesan besar terhadap ekonomi eksport negara dan seterusnya kepada pendapatan isi rumah jika tidak ditangani dengan segera dan bijaksana.

Berikut adalah lima langkah utama yang disarankan YB Fadhlizakar bagi memperkuat kedudukan Malaysia.

## Memperkasakan Diplomasi Perdagangan

Langkah pertama ialah memperkuat keupayaan diplomasi ekonomi negara. Rundingan dengan Amerika Syarikat perlu diketuai oleh pemimpin kanan negara, bukan sekadar pegawai teknikal. Kehadiran wakil berprofil tinggi akan memberi isyarat bahawa Malaysia serius mempertahankan kepentingan nasional.

Beliau menyeru Kerajaan Malaysia segera mengisi kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat.

Duta Besar memainkan peranan penting sebagai jambatan diplomatik bagi memudahkan rundingan perdagangan, mendapatkan sokongan di Capitol Hill, dan memperkuat jaringan

dengan pelabur dan pemimpin industri di Washington.

## Diversifikasi Pasaran: Kurangkan Kebergantungan kepada Kuasa Besar

Lebih 25 peratus eksport Malaysia bergantung kepada Amerika Syarikat dan China. Kebergantungan ini menjadikan negara mudah terdedah kepada risiko ekonomi dan geopolitik. Malaysia perlu memperluas pasaran eksport ke Afrika, Asia Tengah, Amerika Latin dan Asia Selatan, rantau yang menawarkan potensi pertumbuhan tanpa tekanan geopolitik.

Pembinaan konsortium Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerusi program seperti SMEs Go Global dan Galakan Eksport Bumiputera perlu digerakkan secara lebih menyeluruh.

Dalam masa lima tahun, Malaysia wajar menetapkan sasaran bahawa tiada satu negara pun menyumbang lebih 10 peratus kepada jumlah eksport negara. Ini akan memastikan daya tahan yang lebih tinggi sekiranya berlaku kegagalan pasaran di satu-satu rantau.

## Menyusun Semula Struktur Ekonomi

Krisis tarif ini mendedahkan keperluan mendesak untuk Malaysia beralih daripada ekonomi berdasarkan komoditi dan pemasangan kepada sektor bernilai tinggi. Walaupun sektor pembuatan mencatatkan nilai jualan RM481.8 bilion pada suku keempat 2024, kebanyakannya masih tertumpu kepada produk berdasarkan pemasangan dengan margin rendah.

Malaysia perlu melabur secara strategik dalam sektor semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui, teknologi maklumat, bioteknologi, dan pertanian pintar. Unsur nadir bumi (REE) di Terengganu, Kelantan dan Kedah yang mengandungi 44.4. peratus jumlah nasional ialah aset strategik untuk membangunkan industri teknologi tinggi dalam negara, bukan sekadar sebagai komoditi eksport mentah.

Wilayah utara dan pantai timur seperti Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu juga wajar

dimajukan sebagai hab teknologi baharu. Kos tanah dan operasi yang lebih rendah menjadi kelebihan kompetitif untuk menampung pelaburan tempatan dan asing.

## Melindungi Kebajikan Rakyat

Kerajaan perlu memastikan rakyat tidak menjadi mangsa pertama dalam krisis ini. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 yang dijadualkan pertengahan 2025 wajar dikaji semula. Dengan inflasi dijangka meningkat kepada 2.6 peratus dan lebih 50,000 pekerjaan berisiko terjejas, langkah ini boleh membebankan isi rumah berpendapatan rendah.

Alternatifnya, beliau mencadangkan kerajaan boleh menangguhkan rasionalisasi subsidi dan memperkuat bantuan tunai bersasar.

Pengenalan matching fiscal grant kepada negeri berdasarkan tahap kesan ekonomi akibat tarif juga boleh membantu pengagihan bantuan secara lebih adil.

## Membina Ekonomi Mampan dan Berdikari

Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada model ekonomi lama. Penghasilan produk dengan nilai tambah tinggi, perlindungan harta intelek, dan rangsangan inovasi tempatan perlu dijadikan teras baharu. Malaysia kini berada di tangga ke-33 dalam Indeks Inovasi Global 2024 iaitu suatu petunjuk bahawa negara mempunyai asas yang kukuh untuk berkembang sebagai ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Menurutnya, negara kecil seperti Malaysia hanya akan dihormati apabila memiliki daya tahan ekonomi dan prinsip berdikari dalam dasar luar dan perdagangan.

YB Fadhlizakar menutup saranannya dengan menyimpulkan bahawa krisis tarif Amerika Syarikat bukan sekadar cabaran semasa, tetapi peluang untuk Malaysia menyusun semula asas ekonomi dan memperkuat kedudukan dalam ekosistem perdagangan global.

Pemimpin muda berpotensi besar itu yakin dengan diplomasi yang tegas, diversifikasi pasaran, reformasi struktur ekonomi dan pelindungan kebajikan rakyat,

“Malaysia boleh bangkit sebagai negara kecil yang berdikari dan bermaruah dalam pergelutan kuasa besar dunia,” tegasnya.



# PAMERAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN WILAYAH TIMUR BAKAL ANGKAT PELANCONGAN PANTAI TIMUR KE TAHAP LEBIH TINGGI

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 4 Mei - Program Pameran Pelancongan dan Kebudayaan Wilayah Timur "Eastern Region Tourism & Culture Fair 2025" (ERTCF) yang bakal berlangsung pada 24 hingga 26 Julai di Hotel Perdana Kota Bharu, menjadi platform untuk mengangkat sektor pelancongan di Pantai Timur ke tahap yang lebih tinggi.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, program tersebut akan menghimpuangkan pemain-pemain industri dari tiga negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu.

"Antara-aktiviti dalam program ini adalah pameran pelancongan antara agensi dan penggiat seni negeri di Pantai Timur, persembahan kebudayaan pelbagai kaum, sesi business matching, bengkel pelancongan, seminar, pameran produk seni, krafangan, batik serta kulinari tempatan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Pameran Pelancongan dan Kebudayaan Wilayah Timur 2025, di sebuah hotel di Kota Bharu hari



ini.

Tambah beliau lagi, melalui pameran ini juga akan membantu mempromosikan keunikan pelancongan Pantai Timur secara kolektif serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

"Saya yakin program ini mampu meletakkan negeri-negeri di Pantai Timur sebagai satu destinasi pelancongan serantau yang unik, inklusif dan berdaya tahan.

"Ia juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan melalui penglibatan vendor-vendor kecil, usahawan komuniti dan usahawan muda dalam ekosistem pelancongan," ujarnya.

Untuk rekod, ERTCF 2025

anjuran Bayam Travel dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dan Tourism Malaysia Wilayah Timur, bertujuan untuk mempromosikan Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai destinasi pelancongan utama melalui pameran yang menonjolkan pelancongan domestik, budaya, warisan dan kesihatan.

Ia akan menjadi platform bagi perniagaan dan organisasi untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka, di samping meningkatkan kesedaran terhadap kekayaan warisan budaya di negeri Pantai Timur.

Pameran ini juga akan mempromosikan pelancongan domestik dan antarabangsa dengan menampilkan

seni tradisional, masakan, pakaian dan adat resam dari Kelantan, Terengganu dan Pahang. Selain itu, aspek kesihatan dan kesejahteraan turut akan diberi penekanan sebagai sebahagian perkara penting dalam pengalaman pelancongan.

Pihak pengajur meletak sasaran 3000 pengunjung hadir sepanjang tiga hari pameran tersebut berlangsung dengan 50 ruerai pameran dari agensi kerajaan dan pemain industri seperti perhotelan, guest house dan sebagainya.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bayam Travel, Nik Zulhisham Datuk Azman dan Pengarah Tourism Malaysia Wilayah Timur, Mohd Azizul Arif Yahya.

## SEMUA AHLI PARLIMEN PN HADIR BINCANG ISU TARIF, TEGASKAN KEPERLUAN STRATEGI NEGARA HADAPI GELOMBANG GLOBAL



Oleh: Norzana Razaly

**KUALA LUMPUR**, 5 Mei - Semua 68 Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) termasuk Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Seri Hamzah Zainudin yang juga Ahli Parlimen Larut,

tau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusof hadir di Parlimen bagi membincangkan isu berkaitan tarif dan mendengar perbahasan Ketua Pembangkang YB Dato' Seri Hamzah Zainudin yang juga Ahli Parlimen Larut.

Turut bersama ialah tiga lagi Ahli Parlimen muslimah PN dari Kedah dan Selangor yang menzahirkan kebimbangan terhadap impak kenaikan tarif Amerika Syariat terhadap ekonomi Malaysia.

Mereka menyeru agar rakyat mengikuti secara rapat perkembangan ini kerana ia memberi kesan besar terhadap ekonomi dan kewangan perdagangan eksport negara.

"Jika tidak ditangani dengan segera dan bijaksana, ia berpotensi menjelaskan pendapatan isi rumah rakyat," tegas mereka.

Dato' Mumtaz dalam kenyataannya berkata, perbahasan yang berlangsung memperlihatkan betapa pentingnya Malaysia memiliki dasar yang tuntas dan berke-

san dalam mendepani gelombang ekonomi global.

"Jelas menunjukkan, walau apa pun keadaan setempat, apabila ada gelombang global, kita kena hadap dan turut merasai hentakannya."

"Maka, perlu ada strategi dan polisi negara yang komprehensif. Sama ada dari sudut ekonomi, politik maupun sosial," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menzahirkan solidariti terhadap rakyat Palestin dan mengingatkan bahawa keprihatinan terhadap isu kemanusiaan sejagat tidak boleh dipisahkan dari pada dasar dan pendirian negara.

"Sebab itu saya tidak akan melupakan Gaza dan Palestin. Kita sehati sejiwa – cubit di sana, di sini tetap terasa sakitnya," katanya.

# HOTEL RENAI TERIMA ANUGERAH KEEMPAT MBOR, BUKTI KUASA BELI RAKYAT KELANTAN TERHADAP PERKHIDMATAN HOSPITALITI

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 7 Mei – Keupayaan rakyat Kelantan menikmati perkhidmatan hospitaliti bertaraf lima bintang sekali lagi terserlah apabila Hotel Renai Kota Bharu menerima pengiktirafan keempat daripada Malaysia Book of Records (MBOR), menandakan bukan sekadar prestij, tetapi kekuatan permintaan domestik terhadap sektor hospitaliti premium di negeri ini.

Anugerah terkini, Most Event Halls in a Hotel, diberikan kepada hotel ikonik itu atas kejayaan menyediakan 29 buah dewan acara di bawah satu bumbung merupakan suatu pencapaian yang bukan sahaja mencerminkan keupayaan pengurusan hotel, tetapi juga kehendak pasaran yang semakin matang dan berkemampuan.

Tiga anugerah MBOR lain yang diraih oleh Hotel Renai pada Ramadhan lalu adalah pertama, Largest Iftar Gathering in a Hotel – seramai 1,150 tetamu berkumpul dalam satu malam simbolik kebersamaan, dengan lebih 20,000 pelanggan menikmati juadah berbuka sepanjang bulan mulia itu.

Kedua, Most Dishes Served at a Hotel Ramadan Buffet – sajian sehingga 252 jenis makanan disediakan setiap hari. Manakala ketiga, Longest Indoor Street Food Stalls



in a Hotel – lorong sajian sepanjang 200 meter menghimpunkan cita rasa, budaya dan keriangan dalam suasana tertutup.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, pencapaian tersebut bukan sekadar angka, sebaliknya menggambarkan permintaan tinggi dalam kalangan rakyat Kelantan terhadap layanan hospitaliti yang selesa, eksklusif dan bertaraf antarabangsa.

“Kita dapat lihat bahawa rakyat Kelantan kini memiliki kuasa beli yang signifikan. Mereka bukan sahaja memilih perkhidmatan perhotelan untuk tujuan penginapan, malah untuk majlis perkahwinan, seminar, pelancaran produk, bengkel profesional dan pelbagai acara rasmi dan kekeluargaan.

“Perkhidmatan hotel, rumah penginapan dan inap desa

(homestay) dijangka berkembang pesat mulai 2026, seiring siapnya projek mega seperti ECRL, Lebuhraya KB-KK, Central Spine Road (CSR) dan naik taraf Lapan-gan Terbang Sultan Ismail Petra ke taraf antarabangsa serta pembangunan di bandar-bandar sempadan,” katanya semasa majlis penyampaian plak MBOR di hotel berkenaan pada Selasa.

YB Hilmi turut memaklumkan bahawa Kelantan merekodkan 16,094 perjalanan penerbangan keluar dan masuk dengan membawa seramai 1.47 juta penumpang sepanjang tahun 2024. Selain itu, 21 syarikat bas ekspres mencatatkan 19,620 perjalanan melibatkan lebih 588,000 penumpang. Angka yang mencerminkan peningkatan ketara mobiliti masuk ke negeri ini.

“Kadar tempahan bilik hotel

juga meningkat kepada 80 peratus, dipacu kempen Tahun Melawat Kelantan 2024 yang membawa limpahan pelawat domestik dan antarabangsa, sekali gus menggiatkan ekonomi perhotelan dan pelancongan tempatan,” jelasnya.

Hotel Renai turut memanfaatkan peluang ini dengan menyempurnakan kerja-kerja naik taraf serta pengubahsuaian ruang, termasuk pengambilalihan sebahagian besar kompleks Billion bersebelahan untuk dijadikan sayap tambahan kepada fasiliti mereka.

Kini, hotel tersebut menawarkan pelbagai jenis dewan yang memenuhi pelbagai keperluan merangkumi Grand Ballroom yang mampu menempatkan 2,000 tetamu dalam satu masa, ke ruang eksklusif untuk Majlis Diraja, Dewan Kahwin, Seminar, Lounge Korporat, Bilik Mesyuarat, hingga ke studio bengkel kecil bagi perbincangan tertutup seperti Focus Group Discussion (FGD).

“Tahniah kepada Hotel Renai atas kejayaan yang membanggakan ini. Pengiktirafan yang diterima bukan sekadar mencerminkan pencapaian korporat, tetapi juga menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi Kelantan melalui hospitaliti berprestij tinggi,” katanya.





# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKADEAH 1446H | 04-08 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## FESTIVAL UNGGAS ASEAN TARIK 902 PENYERTAAN, JADI ACARA TAHUNAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 Mei- Festival Unggas ASEAN 2025 yang julung kali diadakan di Negeri Kelantan pada tahun ini berjaya menarik sebanyak 902 penyertaan dari seluruh negara dan beberapa buah negara ASEAN.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, festival yang dianjurkan oleh kerajaan negeri melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) ini juga merupakan salah satu usaha pihak kerajaan untuk mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan ke peringkat antarabangsa dan akan menjadi acara tahunan.

“Festival ini merupakan salah satu usaha untuk memperkenalkan Kelantan ke peringkat antarabangsa dan ia termasuk dalam kalendar pelancongan di negeri ini.



“Insya Allah festival yang julung kali diadakan di negeri ini juga akan menjadi acara tahunan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Kelantan.”

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan unggas sempena Festival Unggas Asean 2025, di Taman Orkid Tengku Anis, Pengkalan Chepa, Kota Bharu pada Sabtu.

Tambah Datuk Kamarudin lagi, pihaknya amat berpuas hati dengan



penyertaan para peminat unggas pada festival kali pertama ini.

“Kami amat berpuas hati dengan sambutan yang menggalakkan dari para peminat unggas dari dalam dan luar negara. Penyertaannya hampir 1000 peserta. Penyertaan tertinggi dari luar negara adalah dari Thailand iaitu sebanyak 100 penyertaan, diikuti Indonesia 10, Singapura lima dan Brunei dua penyertaan,” tambah beliau.

Festival tersebut menampilkan lima kategori pertandingan iaitu

burung ketitir, tekukur, candik, ayam serama dan ayam ratu.

Dalam Festival tersebut, burung ketitir milik Sabri Abdul Latif dari Pattani, Thailand muncul juara katagori BB1 iaitu berusia enam bulan.

Turut hadir dalam majlis penyampaian hadiah tersebut adalah Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC), Nik Mohd Fahmi Nik Daud dan wakil Persatuan Unggas Negeri Kelantan, Kamaruzaman Hasan.

## KAMBING BOER DAN KALAHARI KELANTAN TARIK MINAT PESERTA THAILAND



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 4 Mei- Pertandingan Seni dan Pameran Kambing Baka Boer dan Kalahari Peringkat Negeri Kelantan 2025 yang berlangsung di Tapak Ekspo Pantai Sri Tujuh Tumpat, berjaya menarik minat bukan sahaja penternak tempatan, malah peserta dari Thailand.

Program anjuran Persatuan Penternak Kambing Baka Kalahari dan Boer Kelantan dengan kerjasama

Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan serta Majlis Daerah Tumpat (MDT), itu menghimpunkan lebih 100 ekor kambing baka premium dari seluruh negara termasuk Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Kedah dan Thailand.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebanyak 13 kategori dipertandingkan dalam acara

yang menampilkan kambing baka unggul Boer dan Kalahari yang dikenali sebagai sumber daging merah berkualiti tinggi.

“Program ini turut menyediakan platform pendedahan kepada ciri-ciri baka tahan lasak, mudah dijaga serta bernilai tinggi di pasaran, sekali gus menonjolkan potensi besar dalam industri penternakan kambing negara,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Sabtu.

Menurut beliau lagi, program ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik untuk menarik minat golongan belia dalam bidang penternakan, di samping memperkuuh amalan penternakan berdasarkan ilmu.

“Insya Allah dengan program ini akan dapat meningkatkan potensi ekonomi negeri melalui penternakan, serta menjadi antara pengisian utama menjelang sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan yang dirancang berlangsung sekitar Ogos nanti, “ujarnya.

Terdahulu, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin menyempurnakan majlis penyampaian hadiah Pertandingan Seni dan Pameran Kambing Baka Boer dan Kalahari, peringkat Negeri Kelantan 2025, di Pantai Sri Tujuh, Tumpat pada Sabtu.